



ARUS SAWIT SDN.BHD

POLISI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Arus sawit Sdn Bhd memberi komitmen terhadap undang-undang keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan akan berusaha mewujudkan persekitaran pekerjaan yang selamat dan sihat kepada semua pekerja, kontraktor, pelanggan dan pelawat di semua aspek operasi.

Arus Sawit Sdn Bhd dengan ini akan mengekalkan dan melaksanakan dasar-dasar berikut:

- a. Komitmen untuk mematuhi perundangan keselamatan dan kesihatan yang sedia ada serta akan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada semua pekerja.
- b. Melaksanakan serta menegakkan sistem keselamatan dan kesihatan bagi mematuhi kriteria persijilan MSPO dan ISO 45001:2018.
- c. Mengemaskini Polisi Keselamatan dan Kesihatan sekiranya mempunyai keperluan untuk memastikan ianya sentiasa berkaitan dengan perniagaan syarikat.
- d. Melaksanakan peraturan keselamatan di tempat kerja dan kaedah-kaedah kerja selamat bagi tujuan mencegah kemalangan kerja, bahaya keselamatan dan kerosakan atau kehilangan harta benda kepada pekerja, kontraktor dan pelawat.
- e. Menyediakan latihan, maklumat dan arahan keselamatan dan kesihatan yang jelas dan mencukupi terhadap semua pekerja dan kontraktor.
- f. Melaksanakan dan memastikan perkara-perkara yang berkaitan keselamatan dan kesihatan diberikan keutamaan pada setiap masa.
- g. Memastikan pengurusan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan yang berterusan.
- h. Memberi komitmen untuk menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko keselamatan & kesihatan pekerjaan.

DR. LAWRENCE CHU

Pengarah, Arus Sawit Sdn. Bhd.

Dikemaskini Pada : 24 Julai 2023